



COVID-19 Cabaran Ekonomi Malaysia



Oleh
**PROFESOR EMERITUS
DATUK DR. ZAKARIAH
ABDUL RASHID**
Penganalisis Ekonomi

ADA dua pandangan tentang punca penyebaran wabak virus corona (COVID-19) yang sedang menyerang umat manusia seluruh dunia. Pandangan yang pertama, virus daripada binatang liar, seperti kelawar, ular dan tenggiling melompat kepada manusia melalui sama ada manusia memakannya ataupun ketika binatang tersebut dikendalikan. Kemudiannya penyebaran virus ini terus berlaku dengan melompat daripada manusia kepada manusia yang lain. Hal ini mula berlaku di sebuah pasar haiwan sedemikian di Wuhan, China.

Ekoran itu, seluruh bandar dan wilayah tersebut telah terjangkit teruk dengan virus tersebut sehingga kerajaan China terpaksa melaksanakan *lockdown* atau sekatan pergerakan sepenuhnya di seluruh bandar dan wilayah tersebut. Penyebaran meluas hingga peringkat global terjadi ketika masyarakat Cina sedang merayakan tahun baharu lunar yang bertepatan dengan virus tersebut sedang mengganas di Wuhan. Tambahan lagi, masyarakat China merupakan pelancong asing yang banyak berkunjung di merata negara di dunia.

Pandangan yang kedua pula, berasaskan teori konspirasi: COVID-19 ialah senjata biologi Amerika Syarikat yang disasarkan kepada musuh mereka, termasuk China dan Iran. Pandangan yang lain daripada teori yang sama ini ialah virus ini ialah ciptaan China yang telah gagal dikawal sehingga berlaku kebocoran sehingga menjangkiti masyarakat Wuhan. Ada juga pandangan lain yang mengatakan COVID-19 ialah ciptaan syarikat farmasi global yang telah bersedia dengan vaksinya dan akan mengaut keuntungan besar apabila setiap orang di dunia diwajibkan mengambil pelali vaksin tersebut.

Apa-apa pun pandangan yang diterima, pada hakikatnya ialah penyebaran virus ini telah menjadi pandemik, jangkitan yang berleluasa dan mencatatkan kes kematian yang banyak dalam tempoh masa yang singkat di seluruh dunia. Walaupun beberapa buah negara, terutama negara Barat, mengkritik hebat kaedah China mengawal wabak tersebut sewaktu masih dalam persekitaran Wuhan lantas meremehkan kesan jangkitannya, akhirnya semua negara yang diserang virus ini melaksanakan kaedah

yang sama tetapi dengan pelbagai bentuk dari segi kawalan pergerakan yang dilakukan melalui perintah sesebuah negara. Langkah sedemikian telah membantutkan kegiatan ekonomi banyak negara di dunia, terutamanya negara maju, termasuk Malaysia, sedangkan kegiatan ekonomi merupakan tulang belakang penghidupan manusia.

Penularan wabak ini ketika makalah ini dikarang telah melibatkan lebih kurang 200 buah negara yang kebanyakan mereka sedang melaksanakan sekatan pergerakan sama ada secara sepenuhnya ataupun sebahagian. Langkah sedemikian telah melibatkan kawalan perjalanan di sempadan negara masing-masing untuk memutuskan rantai penyebaran virus.

Sehubungan dengan itu, Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) COVID-19 telah dibentangkan buat pertama kali pada akhir Februari 2020. Kerajaan telah menetapkan tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Malaysia (TMM). Oleh sebab bimbang dengan data kedatangan pelancong dari China merosot secara mendadak sedangkan pelancong asing terbesar adalah dari negara itu, manakala pengusaha hotel dan agensi perjalanan telah menyuarakan kesukaran dan kerugian yang bakal dihadapi mereka, PRE telah mengambil langkah tepat dengan menumpukan pemulihan ekonomi pada sektor pelancongan. Perbelanjaan pelancongan merupakan penampakan kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana merupakan satu-satunya kegiatan sektor perkhidmatan yang memberikan lebihan (*surplus*) kepada akaun imbalan pembayaran negara kita.

Wabak COVID-19 telah membantutkan kegiatan ekonomi dan dijangkakan akan mengakibatkan pengangguran yang teruk. Secara langsung, pengangguran yang teruk akan berlaku, terutamanya dalam sektor pelancongan (perhotelan dan industri pengembaraan) yang berpunca daripada sekatan perjalanan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan negara-negara lain di dunia.

Oleh itu, secara tidak langsung dalam sektor yang menggaji pekerja dengan bilangannya yang banyak serta dengan intensiti yang tinggi seperti industri barangan elektrik dan elektronik (E&E) serta sebahagian industri perkilangan yang berasaskan sumber. Sektor

perkhidmatan akan terkena kesan yang teruk kerana menggaji bilangan pekerja yang paling banyak, terutama dalam perdagangan borong dan runcit serta perkhidmatan penghantaran dan pengangkutan.

Saya berpandangan bahawa kesan secara tidak langsung patut diberi perhatian yang lebih khusus. Hal ini demikian kerana pengangguran yang akan berlaku secara berleluasa disebabkan oleh penguncupan permintaan akhir seperti dalam eksport, permintaan isi rumah dan pelaburan, selain yang disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan (PKP).

Berbanding dengan pengilang-pengilang yang lain, pengilang berintensifkan buruh E&E bukan sahaja mengeluarkan nilai output terbesar dan menggaji jumlah bilangan pekerja paling banyak tetapi juga bilangan pekerja yang paling banyak bagi setiap output yang dikeluarkan (intensiti); maka apabila permintaan akhir merosot - dalam pelaburan, eksport dan permintaan isi rumah - pengilang inilah dan yang sejenis ciri-cirinya yang akan teruk sekali membuang pekerja.

Bagi sektor pelancongan pula, sememangnya sektor ini mempunyai kaitan yang erat dengan keseluruhan sektor ekonomi, justeru ciri keterkaitan sedemikian yang hanya dapat dikesan melalui satu akaun satelit seharusnya menjadikan kita lebih prihatin akan natijah daripada sesuatu kejatuhan permintaan terhadap perkhidmatan pelancongan. Berbanding dengan negara lain, ekonomi Malaysia akan lebih terkesan kerana pergantungannya yang terlalu tinggi kepada perdagangan dunia yang dijangkakan akan terpukul teruk. Sektor perkhidmatan menggaji bilangan pekerja paling banyak dan diharapkan dapat menerajui pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, sebelum sektor ini dapat melaksanakan harapan murni ini, pandangan saya ialah sektor ini mestilah terlebih dahulu diperkasakan; tak mungkin hujan naik ke langit.

Tasawur yang tepat untuk menanggapi masalah ini sangatlah penting kerana hal ini yang akan menentukan dasar yang tepat bagi menangani masalah pertumbuhan ekonomi dan kaitannya dengan sektor perkhidmatan. Satu suntikan pelaburan yang sesuai dalam sektor perkhidmatan akan menarik bersama-sama ke hadapan semua industri yang terangkai

dengannya tetapi pelaburan itu mestilah yang memperkasakan industri perkhidmatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya peniaga mikro yang terlibat dengan pelancongan secara langsung dan secara tidak langsung.

Kita tidak dapat mengagak berapa banyakkah akhirnya pekerja yang akan menjadi penganggur akibat daripada COVID-19? Sesungguhnya hal ini bergantung pada bagaimana wabak ini mengakhiri kisah yang kemudiannya akan menentukan kemerosotan dalam permintaan akhir. Kita benar-benar ingin mengetahui sedalam manakah kemelesetan yang akan dihadapi oleh ekonomi Malaysia pada tahun ini atau adakah keadaan akan bertukar menjadi kegawatan ekonomi sejagat. Maklumat sedemikianlah yang kita perlukan untuk mengetahui kesan akhirnya kepada ekonomi Malaysia.

Jika pandemik ini melibatkan tempoh yang tidak lama, katakan berakhir pada penghujung April tahun ini, kita mungkin mempunyai peluang untuk Keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) tumbuh sekitar 1.0 peratus hingga 1.5 peratus; banyak yang beranggapan KDNK tidak mungkin akan berlaku sedemikian. Sekiranya ekonomi dunia terjerumus dalam kemelesetan, yang kelihatan amat pasti, ekonomi Malaysia akan turut terjerumus; hal ini seperti yang diramalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa kadar pertumbuhan tahun 2020 sekitar 0.5 peratus hingga 2.0 peratus. Yang lebih menggerunkan ialah senario jangka panjang sekiranya dunia mengalami kegawatan, maka Malaysia terpaksa mencari jalan penyelesaian di luar daripada kaedah yang biasa.

Gangguan terhadap ekonomi negara telah pun berlaku sebelum penularan COVID-19, yakni pada minggu terakhir Februari 2020 yang berpunca daripada krisis kepimpinan. Suasana tidak menentu telah menampar hebat pasaran saham dan pasaran mata wang asing. Kejutan itu dirasakan pada mulanya hanya

bersifat sementara sahaja kerana melibatkan kemerosotan sentimen dan keyakinan. Maka dasar yang paling ampuh dilaksanakan pada ketika itu adalah untuk memulihkan keyakinan orang ramai, termasuk pelabur, bahawa ekonomi Malaysia masih kekal utuh.

Kita mengharapkan agar Allah SWT membantu kita memulihkan kembali politik dan ekonomi negara ini, seterusnya membawa Malaysia pada tahap yang lebih tinggi. Namun begitu, kita kurang bernasib baik kerana sebaik-baik sahaja Perdana Menteri baharu mengangkat sumpah, gelombang COVID-19 menyerang negara.

Bermula minggu pertama April, COVID-19 sudah mula menyerang Amerika Syarikat yang kini menduduki negara paling tinggi mencatatkan kes jangkitan, mendahului Itali, Sepanyol, Perancis, selain China juga antara yang teramai. Jika ekonomi Amerika Syarikat terkesan dengan kemelesetan, hal ini bermakna seluruh dunia, lebih-lebih lagi ekonomi Malaysia, akan terjangkit sama. Bagaimanakah kita menyiapkan diri untuk menangani masalah ini?

Beberapa buah bandar utama dunia di Amerika Syarikat, negara Eropah, anggota ASEAN dan Timur Jauh telah pun melaksanakan PKP atau MCO (*movement control order*) yang menyaksikan penutupan badan-badan perniagaan dan pusat kegiatan ekonomi masing-masing; jentera yang mencipta kekayaan negara selama ini terhenti. Kita, pada hari ini, berada dalam dunia tanpa sempadan, dengan ekonomi Amerika Syarikat, Eropah, China dan Jepun mengunggulinya. Ekonomi negara tersebut merupakan anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) atau kebanyakan mereka ialah negara dunia pertama yang meyumbang sekitar 75 peratus KDNK dunia.

Negara ekonomi Malaysia hanya merupakan sekelimut daripada ekonomi dunia (0.4 peratus daripada KDNK ekonomi dunia) sedang hal ini berpadu amat erat sekali dengan ekonomi dunia. Kita tidak semudah itu memisahkan benteng ekonomi Malaysia daripada ekonomi dunia seperti yang kita cuba pisahkan wabak COVID-19 dari luar negara melalui penjarakan sosial (*social distancing*) dan PKP. Adakah hari perhitungan terhadap sistem ekonomi moden sedang menghampiri kita? Wallahualam.

**Prihatin
menumpukan
perhatian pada langkah
mengurangkan kesusahan
rakyat akibat wabak ini,
khusus kepada isi
rumah berpendapatan
rendah dan
PKS.**

Kerajaan telah membentangkan PRE kedua yang dikenal sebagai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) yang menimbulkan pelbagai reaksi rakyat. Tindakan drastik demi mendepani situasi sukar itu menjadi fokus kerajaan pada ketika ini apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, mengemukakan pakej tersebut yang merupakan yang terbesar dalam sejarah; dengan membabitkan peruntukan RM250 bilion. Mana-mana PRE adalah sangat dialu-alukan terutama PRE kali ini yang cuba menangani wabak COVID-19 yang mencetus krisis ekonomi berskala global, bahkan sesetengah pakar beranggapan pandemik ini boleh mencetuskan kemelesetan.

Persoalan yang berkisar dibenak banyak pengkaji ekonomi sebaik-baik sahaja pakej tersebut dibentangkan adalah tentang bagaimana pakej ini akan dibiaya memandangkan kerajaan perseketuan sedang melaksanakan pengukuhan fiskal sejak beberapa tahun belakangan ini, di samping harga minyak mentah yang terus jatuh di bawah AS\$30 setong. Itu telah dijelaskan oleh Menteri Kewangan yang akan menggunakan dana dalam kerajaan secara langsung dan dana daripada luar kerajaan, yakni daripada pelbagai agensi kerajaan dan sektor awam.

Kaedah ini merupakan perkara lumrah dalam mana-mana belanjawan kerajaan. Harga minyak mentah kini yang serendah itu, sekali gus menjadikan bukan sahaja PETRONAS kurang berupaya menyumbang dividen kepada kerajaan tetapi kerajaan juga kurang berupaya mengumpul cukai disebabkan kejatuhan KDNK. Ekonomi Malaysia telah pun sedia tertekan untuk masa yang agak lama dengan defisit fiskal yang berlarutan. Pada tahun ini, pertumbuhan KDNK pastinya adalah jauh lebih rendah berbanding dengan tahun lalu atau mungkin berdepan penguncupan (pertumbuhan negatif), yang akan juga menjejaskan hasil cukai.

Rasanya kita perlu dijelaskan apakah peranan PRE. Seperti yang saya katakan tadi, mana-mana PRE patut sekali dialu-alukan kerana PRE ialah suntikan fiskal yang akan mengembangkan ekonomi. Prihatin menumpukan perhatian pada langkah mengurangkan kesusahan rakyat akibat wabak



Foto: BERNAMA

ini, khusus kepada isi rumah berpendapatan rendah dan PKS; di samping mencuba bagi mengurangkan kesan buruk kebajikan golongan berkenaan. Berjaya atau tidak, sukar untuk dipastikan kerana kita hatta kerajaan pun tidak pasti bagaimana kisah penularan wabak ini akan mengakhiri ceritanya.

Sewaktu PRE dibentangkan, kita tidak pasti adakah kita sudah mencapai kemuncak masalahnya. Pakar kesihatan juga tidak pasti dan World Health Organization (WHO) serta pakar di Barat beranggapan sesuatu yang lebih buruk bakal terjadi. Seperti yang saya nyatakan, ada pakar ekonomi yang bimbang berlaku kemelesetan yang boleh menjerumuskan ekonomi kita kepada kegawatan. Terdapat beberapa ciri impak ekonomi yang sedang kita alami ini yang sama dengan Kemelesetan Besar (*Great Depression*) 1930-an di Amerika Syarikat.

Elok kalau kita tahu apakah perbezaan antara kemelesetan dengan kegawatan ekonomi. Kedua-duanya ialah senario penguncupan ekonomi yang menyeluruh. Kemelesetan berlakunya selama sekurang-kurangnya enam bulan hingga satu setengah tahun, manakala tempoh kegawatan pula lebih lama yang mengambil masa beberapa tahun. Terdapat

33 kali kemelesetan berlaku kepada ekonomi Amerika Syarikat sejak tahun 1854.

Walaupun begitu, tidaklah dapat kita samakan ekonomi dunia pada dekad 1930-an dengan sekarang, yakni ekonomi negara di dunia lebih terkait antara satu dengan yang lain kerana kemajuan dalam teknologi, komunikasi dan perdagangan. Kini hampir semua yang dahulunya negara terjajah sudah pun merdeka dan mentadbir bebas ekonomi masing-masing. Walaupun demikian, seperkara yang sama ialah Amerika Syarikat dan Eropah masih mengungguli ekonomi global dalam bentuk penjajahan baharu, bukan politik tetapi ekonomi.

Perkembangan terkini pula ialah kuasa besar China muncul mencabar ekonomi Barat terutama Amerika Syarikat. Jepun juga muncul lebih awal sebagai kuasa ekonomi dunia yang besar setelah tamat Perang Dunia Kedua.

Pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) serta Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) membentuk landskap dalam ekonomi dunia masa ini. Namun demikian, kegawatan ekonomi dunia pada masa lalu itu memberikan suatu pengajaran yang berguna yang kita dapat bandingkan dengan apa-apa yang sedang kita alami pada ketika ini.

Kemelesetan Besar berlaku pada awal dekad 1930-an (bermula dengan keruntuhan pasaran saham New York yang dikenali sebagai "Tuesday October Crash 1929" dengan wujudnya tanda yang berikut pada ekonomi Amerika Syarikat: pengangguran yang berleluasa (berada pada 24.9 peratus), indeks Dow Jones menjunam (dalam sebulan jatuh 30 peratus) dan KDNK menguncup teruk (8.5 peratus, 6.4 peratus dan 12.9 peratus masing-masing dalam tahun 1930, 1931 dan 1932). Kita mungkin berasa bimbang dan bertanya adakah krisis kesihatan COVID-19 yang sedang berlaku kini akan menjerumuskan kita ke dalam kancah kegawatan ekonomi juga?

Presiden Rizab Persekutuan St. Louis, James B Bullard, berasakan pada suku kedua

tahun ini pengangguran boleh mencapai 30 peratus dan Setiausaha Perbendaharaan Amerika pula meletakkan jangkaan 20 peratus. Pasaran saham diramalkan Goldman Sachs akan jatuh 24 peratus sedangkan jangkaan 14 peratus oleh JP Morgan dalam suku kedua. KDNK pula diramalkan Bullard akan mengecut sebanyak 50 peratus, manakala jangkaan 30.1 peratus oleh JP Morgan. Angka-angka ini sangat meyakinkan bahawa dunia sedang menuju kepada kegawatan.

Saya bersetuju, krisis kali ini jelas tidak sama dengan yang sebelum ini, yakni sesuatu yang sama sekali di luar jangkaan. Bukan pada kita sahaja tetapi satu dunia bermasalah; ekonomi Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat dan China terkesan dengan lebih parah lagi. Kita yang sedia berdepan dengan kesukaran dari segi kebajikan pengguna dan isi rumah serta perniagaan yang kurang menyerlah produktiviti, juga menerima pukulan yang hebat. Perkara paling utama dalam situasi sekarang ini ialah negara mengelak daripada berlakunya bencana kesihatan dan menumpukan perhatian pada soal kebajikan golongan yang rapuh. Dalam hal ini, PRE sudah pun mengambil pendekatan yang tepat.

Pelbagai pihak mengemukakan telahan masing-masing tentang pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2020. Paling awal, agensi penarafan antarabangsa dan IMF meletakkan ekonomi Malaysia akan tumbuh perlahan sekitar 1.0 peratus hingga 2.0 peratus. Bank Dunia meletakkannya pada kadar -0.1 peratus, kemelesetan ekonomi dan terkini BNM pula meletakkan pada kadar 0.5 peratus hingga 2.0 peratus. Semua angka-angka telahan ini cepat berubah dengan perubahan kisah COVID-19 yang cepat berubah saban hari.

Saya berpandangan, apa-apa juga angka yang dikemukakan tidak lebih daripada jangkaan yang sangat rapuh dengan kisah COVID-19 yang cepat berubah. Jangan-jangan angka BNM itu pun juga optimistik?

Sesungguhnya apa-apa yang lebih digeruni bukanlah pada angka negatif pertumbuhan KDNK tetapi kepada natijah sosioekonominya, yakni pengangguran dan kehilangan pendapatan isi rumah akibat kebantutan kegiatan ekonomi dan kejatuhan besar-besaran permintaan akhir.

Perkara paling utama dalam situasi sekarang ialah negara mengelak daripada berlakunya bencana kesihatan dan menumpukan perhatian pada soal kebajikan golongan yang rapuh.